

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SPU403 - Seminar Dasar dan Pentadbiran Awam

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

1. "Walaupun 'kepentingan awam' merupakan satu konsep yang kurang jelas dan sering dipertikaikan, ia tetap merupakan satu konsep yang bukan sahaja berguna tetapi perlu untuk pentadbiran awam." Bincangkan.

(100 markah)

2. "Cara-cara pengawalan luaran masing-masing mempunyai kelemahan; walau bagaimanapun, jika digunakan serentak, mereka dapat mengawal pentadbiran awam dengan memuaskan."

(a) Jelaskan secara ringkas kelemahan cara-cara pengawalan luaran yang formal.

(b) Huraikan alasan-alasan atas pandangan bahawa "jika digunakan serentak, mereka dapat mengawal pentadbiran awam dengan memuaskan."

(100 markah)

... 2/-

3. Setujukah anda dengan pendapat Milton Esman bahawa Malaysia merupakan sebuah "negara pentadbiran" ("administrative state")? Jelaskan alasan-alasan untuk pendirian anda tersebut.

(100 markah)

4. Pilih (a) ATAU (b).

(a) "Menasihatkan pemerintah" bukanlah satu cara yang mudah atau sempurna untuk menyelesaikan masalah yang berkenaan. Bincangkan.

(b) Dengan berpandukan kepada pengalaman demokrasi-demokrasi berparlimen yang lain,uraikan masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam mencapai kerajaan yang lebih "terbuka" di Malaysia.

(100 markah)

- oo oo oo -